

07 DEC 2003

AGONG HADIRI MAJLIS PERKAHWINAN ANAK TIMBALAN MENTERI

SHAH ALAM, 7 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berkenan menghadiri majlis perkahwinan anak Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin di sini malam ini.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat hadir.

Antara tetamu kenamaan lain ialah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Perak Raja Nazrin Shah dan kerabat-kerabat diraja lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut hadir pada majlis berkenaan selain menteri-menteri kabinet, menteri-menteri besar, timbalan-timbalan menteri, anggota-anggota Parlimen, orang kenamaan dan jemputan khas lain.

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bersama isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Majlis perkahwinan yang diadakan di kediaman Abdul Aziz itu adalah antara anak perempuan beliau, Nur Fatin, 25 dan pasangannya Mohd Khairul Naem Mokhtar, 25.

Tetamu kenamaan turut berpeluang merenjis air mawar dan menyaksikan majlis memotong kek oleh pasangan berkenaan.

-- BERNAMA

SHS NN ROS